



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Imigresen (Pindaan) 1988

DR.16/1988

D.R. 16/88

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Imigresen 1959-1963.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Imigresen (Pindaan) 1988. Tajuk ringkas.

2. Seksyen 2 Akta Imigresen 1959-1963, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan— Pindaan seksyen 2. Akta 155.

(a) memasukkan, selepas takrif "transportation company" dalam subseksyen (1), takrif baru yang berikut:

“ “vehicle” means a structure capable of moving or being moved or used for the conveyance of any person or thing and which maintains contact with the ground when in motion;” dan

(b) memasukkan, selepas subseksyen (2), subseksyen baru (3) yang berikut:

“(3) Any reference in this Act to a person unlawfully entering or re-entering Malaysia or unlawfully remaining in

Malaysia shall include any act of entering or re-entering or remaining in Malaysia which is in contravention of any provision of this Act or any subsidiary legislation made under this Act.”.

Pindaan
seksyen 6.

3. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas subseksyen (3), subseksyen baru (4) yang berikut:

“(4) The burden of proof that a person entered Malaysia without contravening subsection (1) shall lie upon that person, and in any prosecution for an offence under subsection (1), it shall not be necessary to specify in the charge the date, time, place or manner of the entry of such person into Malaysia, or the means of travel used for such entry, and such prosecution may be held at any place in Malaysia.”.

Pindaan
seksyen 8.

4. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan—

- “(a) memasukkan perkataan-perkataan “,or, where he becomes a member of such prohibited class after he has entered Malaysia, remain in Malaysia” selepas perkataan-perkataan “enter Malaysia” dalam perenggan (a) subseksyen (2);
- (b) menggantikan angka “29” dalam perenggan (c) subseksyen (3) dengan angka “39A (1)”;
- (c) menggantikan perenggan (o) subseksyen (3) dengan perenggan (o) baru yang berikut:

“(o) any person, or any member of a class of persons, against whom an order has been made under section 9 (1) (a), or whose Pass or Permit has been cancelled under section 9 (1) (b) or 9 (1) (c) respectively, or to whom such cancellation applies under section 9 (6).”; dan

- (d) menggantikan perkataan “Any” dalam subseksyen (6) dengan perkataan-perkataan “Except where a person is a prohibited immigrant under subsection (3) (o), any”.

5. (1) Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 9 dengan seksyen 9 baru yang berikut:

Penggantian seksyen 9.

“Director General’s power to prohibit entry, or cancel any Pass or Permit.

9. (1) Notwithstanding anything contained in this Act or in any subsidiary legislation made under this Act, the Director General may—

- (a) where he deems it expedient to do so in the interests of public security or by reason of any economic, industrial, social, educational or other conditions in Malaysia, by order, prohibit, either for a stated period or permanently, the entry or re-entry into Malaysia of any person or class of persons:

Provided that the order made under this paragraph shall not apply to any citizen or to the holder of any valid Pass or Permit;

- (b) in his absolute discretion cancel any Pass at any time by writing under his hand; or
- (c) cancel any Permit at any time by writing under his hand, if he is satisfied that the presence in, or entry into, Malaysia of the holder of any Permit is, or would be, prejudicial to public order, public security, public health or morality in Malaysia or any part thereof.

(2) Every order made under subsection (1) (a) shall come into force on the date of the making of such order, and shall subsequently be published in the *Gazette*.

(3) Every cancellation of a Pass under subsection (1) (b) or a Permit under subsection (1) (c) shall come into force on the date of the cancellation, and the Director General shall, as soon as may be thereafter, cause a notice of the cancellation to be sent to the holder of the Pass or Permit, as the case may be, if his address is known, and if it is not known, shall cause the notice to be published in such manner as he deems fit.

(4) Where a Pass is cancelled under subsection (1) (b) or a Permit is cancelled under subsection (1) (c)—

- (a) if its holder is present in Malaysia, he shall not remain in Malaysia after such cancellation and shall be removed from Malaysia in accordance with the provisions of this Act, and he shall, thereafter, be prohibited from entering Malaysia; and
- (b) if its holder is outside Malaysia, he shall be prohibited from entering or re-entering Malaysia.

(5) Any person who enters or re-enters or remains in Malaysia in contravention of any order made under subsection (1) (a), or in contravention of subsection (4), shall be guilty of an offence against this Act and shall be removed or again removed, as the case may be, from Malaysia.

(6) Where a Pass is cancelled under subsection (1) (b) or a Permit is cancelled under subsection (1) (c), subsections (4) and (5) shall apply to—

- (a) a person whose name is endorsed on the Pass or the Permit;

- (b) any wife of the holder of the Pass or the Permit where the wife is a holder of a Pass or Permit issued to her in consequence of the issue of the Pass or the Permit to her husband; and
- (c) any dependant child of the holder of the Pass or the Permit where such child is not a citizen,

in the same manner that they apply to the holder of the Pass or the Permit and the notification to such holder under subsection (3) shall also constitute notification to the persons mentioned in paragraphs (a), (b) and (c).

(7) Notwithstanding section 3 (3), the powers of the Director General under this section shall be exercised only by the Director General personally or, during his absence or inability to act from any cause, only by the Deputy Director General personally.

(8) Any person who is dissatisfied with any order made against him under subsection (1) (a), or the holder of any Pass or Permit cancelled under subsection (1) (b) or (c) respectively, who is dissatisfied with the cancellation, or any person as is referred to under paragraph (a), (b) or (c) of subsection (6) who is dissatisfied with the application of subsections (4) and (5) to him under subsection (6), may appeal to the Minister within seven days of the publication of the order in the *Gazette* under subsection (2), or the notification of the cancellation to the holder of the Pass or Permit under subsection (3), as the case may be, and such appeal shall be by way of a petition in writing setting out clearly and in detail the grounds of the appeal:

Provided that notwithstanding any appeal under this subsection, pending the determination of such appeal, the order of the

Director General under subsection (1) (a), or the cancellation of the Pass or Permit under subsection (1) (b) or (c) respectively, or the application of subsections (4) and (5) to any person under subsection (6), shall have full force and effect as provided under subsection (2) or (3), as the case may be, and, where accordingly the person appealing is outside Malaysia, or has left Malaysia or been removed from Malaysia before its determination, he may be permitted to enter or re-enter Malaysia if his appeal is allowed and the order under subsection (1) (a) is revoked, or the Pass or Permit is restored to him, as the case may be.”.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini ditegaskan bahawa peruntukan-peruntukan seksyen 9 Akta ibu yang dimasukkan ke dalam Akta ibu oleh subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi suatu Pas atau Permit yang dikeluarkan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai bagi suatu Pas atau Permit yang dikeluarkan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini.

(3) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen 9 Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya sehingga dibatalkan.

Seksyen
baru 9A.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 9, seksyen baru 9A yang berikut:

“Director
General’s
power to
limit
entry into
Malaysia.

9A. (1) The Director General may, by order, where he deems it expedient to do so in the interests of public security or by reason of any economic, industrial, social, educational or other conditions in Malaysia—

(i) limit the number of persons of any class who may enter Malaysia within any period specified in the order; or

- (ii) limit the period during which any person or class of persons entering or re-entering Malaysia may remain therein:

Provided that the order made under this subsection shall not apply to any citizen or to the holder of any valid Pass or Permit.

(2) Notwithstanding section 3 (3), the powers of the Director General under this section shall be exercised only by the Director General personally or, during his absence or inability to act from any cause, only by the Deputy Director General personally.

(3) Every order made under subsection (1) shall come into force on the date of the making of such order, and shall subsequently be published in the *Gazette*."

7. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda dengan—

Pindaan
seksyen 11.

- (a) memasukkan perkataan-perkataan "or a person whose name is endorsed on a valid Pass" selepas perkataan-perkataan "a valid Pass" dalam perenggan (a) subseksyen (1); dan
- (b) menggantikan perkataan-perkataan "one month" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "thirty days".

8. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) baru yang berikut:

Pindaan
seksyen 15.

"(1) Without prejudice to any other provision of this Act prohibiting a person from remaining in Malaysia, a person shall not remain in Malaysia—

- (a) after the cancellation of any Permit or Certificate under this Part;
- (b) after the making of a declaration under section 14 (4);

(c) after the expiration of the period of any Pass relating to or issued to him; or

(d) after the notification to him, in such manner as may be prescribed, of the cancellation, under any regulations made under this Act, of any Pass relating to or issued to him,

unless he is otherwise authorized to remain in Malaysia under this Act.”.

Pindaan
seksyen 20

9. Seksyen 20 Akta ibu adalah dipinda dengan—

(a) menggantikan perkataan “section” dalam subseksyen (2) dan (3) masing-masingnya dengan perkataan “Act”; dan

(b) memotong subseksyen (4).

Pindaan
seksyen 24.

10. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas subseksyen (4), subseksyen baru (5), (6) dan (7) yang berikut:

“(5) In relation to a case where the vessel or the aircraft in which the person arrived has already left Malaysia before an immigration officer has made his finding under subsection (1) that he considers such person to be prohibited from entering Malaysia under this Act, the immigration officer may require in writing the master of any vessel or the captain of any aircraft, as the case may be, belonging to the same owners or chartered by the same charterers as those of the vessel or the aircraft in which the person who is to be removed from Malaysia arrived, to receive the person on board his vessel or aircraft and afford such person free of charge a passage to the port or place at which the person embarked and proper accommodation and maintenance during the voyage or flight.

(6) The master of any vessel or the captain of any aircraft, as the case may be, who fails to comply with a requirement in writing made by an immigration officer under subsection (5) shall be guilty of an offence against this Act.

(7) Where a requirement has been made under subsection (5), the immigration officer shall inform the person in respect of whom the requirement has been made of his finding under subsection (1) that he considers such person to be prohibited from entering Malaysia under this Act, and give him instructions to depart from Malaysia on the vessel or aircraft in relation to which the requirement had been made, and may take such steps, including the use of force, as may be reasonably necessary to compel the person to comply with the instructions, and if such person fails to comply with the instructions and depart from Malaysia he shall be guilty of an offence against this Act.”.

11. Seksyen 26 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding four thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both” dalam subseksyen (4). Pindaan seksyen 26.

12. Seksyen 27 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perenggan (i) dalam proviso kepada subseksyen (1). Pindaan seksyen 27.

13. Seksyen 29 Akta ibu adalah dipotong. Pemotongan seksyen 29.

14. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda dengan— Pindaan seksyen 33.

(a) memasukkan angka “9,” selepas perkataan-perkataan “by reason of section” dalam subseksyen (1);

(b) memotong perkataan-perkataan—

(i) “under section 15”; dan

(ii) “liable to be”,

dalam subseksyen (1); dan

(c) menggantikan proviso kepada subseksyen (2) dengan proviso yang berikut:

“Provided that there shall be no appeal under this subsection against an order of removal under subsection (1) made in respect of any person whose presence in Malaysia is unlawful under section 9 by reason of any order made under section 9 (1) (a) or by reason of the cancellation of a Pass or Permit under section 9 (1) (b) or 9 (1) (c) respectively, or is unlawful under section 15 (1) (c) or 60 by reason of the expiry of any Pass relating to or issued to him.”.

Pindaan
seksyen 34.

15. Seksyen 34 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “it shall be lawful for the Director General to order the person to” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “such person may”.

Penggantian
seksyen 36.

16. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 36 dengan seksyen 36 baru yang berikut:

“Unlawful
return after
removal.

36. Any person who, having been removed or otherwise lawfully sent out of Malaysia, enters or resides in Malaysia shall be guilty of an offence against this Act and shall be removed or again removed, as the case may be, from Malaysia.”.

Seksyen
baru 39A.

17. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 39, seksyen baru 39A yang berikut:

“Immigra-
tion
officer's
powers to
make
inquiries,
etc.

39A. (1) An immigration officer may, where—

(a) any person desires to enter Malaysia;

- (b) any person applies for a Pass, Permit, or Certificate, regardless whether he is within or outside Malaysia;
- (c) he considers it necessary in order to ascertain whether the holder of a Pass, Permit, or Certificate is a prohibited immigrant or that any material statement made in connection with his application for a Pass, Permit, or Certificate, was false or misleading;
- (d) he considers it necessary to do so in order to ascertain whether the presence of any person in Malaysia is lawful; or
- (e) he considers it necessary to do so for the purpose of otherwise exercising any of his powers, or discharging any of his duties, or carrying out any of his functions, under this Act in relation to any person,

make all such inquiries or require the production of all such documents or other evidence as the immigration officer may consider necessary and also require such person to present himself for the purpose of enabling the immigration officer to make inquiries from him, or requiring him to submit to an examination by a Government Medical Officer.

(2) Where any person, without reasonable excuse, refuses or fails to comply with any requirement of an immigration officer under subsection (1), or refuses to answer any question that may be lawfully put to him by an immigration officer in exercise of his powers under subsection (1), he shall be guilty of an offence against this Act.

(3) Where in pursuance of any inquiry by, or any requirement of, an immigration officer under subsection (1) any statement is made by

any person, whether or not in answer to a question by an immigration officer, or any document is produced by any person, or any certificate is issued by a Government Medical Officer, such statement, document or certificate shall be admissible in evidence in any proceedings in court under this Act against the person who made the statement or produced the document, or against the person in respect of whom the certificate was issued, or against any other person.

(4) The provisions of subsection (1) shall be in addition to, and not in derogation of, any other provision of this Act conferring any power on an immigration officer.”.

Pindaan
seksyen 40.

18. Seksyen 40 Akta ibu adalah dipinda dengan—

- (a) menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) baru yang berikut:

“(1) The Director General may for the purpose of—

- (a) any investigation into any offence under this Act;
- (b) any inquiry under this Act;
- (c) the enforcement of any provision of this Act; or
- (d) otherwise exercising any power, discharging any duty, or carrying out any function, under this Act,

summon and examine witnesses on oath or affirmation, and may require the production of any relevant documents.”; dan

- (b) memasukkan, selepas subseksyen (2), subseksyen baru (3) yang berikut:

“(3) Any statement made, or any document produced, by a witness under subsection (1) shall be admissible in

evidence in any proceedings in court under this Act against the witness or against any other person.”.

19. Seksyen 43 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “four thousand and not less than two hundred” dengan perkataan-perkataan “five thousand and not less than one thousand”. Pindaan seksyen 43.

20. Seksyen 50 Akta ibu adalah dipinda dengan— Pindaan seksyen 50.

(a) menggantikan perkataan-perkataan “Any person” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “Without prejudice to the powers of an immigration officer under section 39A, any person”; dan

(b) menggantikan perkataan-perkataan “or occupation” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “, occupation or details of the mode or means of travel”.

21. Seksyen 51 Akta ibu adalah dipinda dengan— Pindaan seksyen 51.

(a) menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen (4) baru yang berikut:

“(4) Where any person who is a citizen is arrested pursuant to subsection (3) by an immigration officer or by an officer of the Customs Department or by a person authorized under subsection (3)(b), the person making the arrest shall comply with section 28 of the Criminal Procedure Code as if he were a police officer.”; dan

*F.M.S.
Cap. 6.*

(b) memasukkan, selepas subseksyen (4), subseksyen baru (5) dan (6) yang berikut:

“(5) Notwithstanding anything contained in this Act or in any subsidiary legislation made under this Act—

(a) where any person who is a citizen is arrested or detained under this Act

otherwise than for an offence against this Act, and has not been earlier released, he shall without unreasonable delay, and in any case within twenty-four hours (excluding the time for any necessary journey), be produced before a Magistrate and shall not be further detained in custody without the Magistrate's authority; and

- (b) where any person other than a citizen is arrested or detained under this Act, whether for an offence against this Act or otherwise than for such offence, and has not been earlier released, or charged in court for an offence against this Act, or removed from Malaysia under this Act, he shall, within fourteen days of his arrest or detention, be produced before a Magistrate who shall make an order for his detention for such period as may be required by an immigration officer or a police officer for the purpose of investigations into an offence against this Act, or by an immigration officer for the purpose of either making inquiries, or effecting his removal from Malaysia, under this Act,

and any provision of this Act or any subsidiary legislation made under this Act providing for the arrest or detention, otherwise than for an offence, of a person who is a citizen, or for the arrest or detention of a person other than a citizen, whether for an offence against this Act or

otherwise than for such offence, shall be read as being subject to the provisions of paragraph (a) or (b), as may be applicable:

Provided that the Magistrate before whom such person is produced under paragraph (a) or (b), as the case may be, shall not authorize or order the detention of such person for a period in excess of the maximum period which may be specified in the provision under which he is to be detained.

(6) The provisions of paragraph (b) of subsection (5) shall have effect notwithstanding anything inconsistent therewith or contrary thereto in the Criminal Procedure Code.”.

*F.M.S.
Cap. 6.*

22. Seksyen 54 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan “and” di akhir perenggan (j) subseksyen (1) dan memasukkan, selepas perenggan (j), perenggan baru (k) yang berikut:

Pindaan
seksyen 54.

“(k) prescribing the offences under this Act and any regulations, orders, or other subsidiary legislation made under this Act, which may be compounded, the persons who may compound, the limit of the sum of the money to be collected for compounding such offences which shall not exceed thirty per centum of the maximum fine provided for the offence, the procedure to be complied with and the forms to be used in respect of such compounding, and otherwise, as may be necessary, desirable or expedient in relation to such compounding; and”.

23. Seksyen 56 Akta ibu adalah dipinda dengan—

Pindaan
seksyen 56.

(a) memotong perenggan (a) dan (b) subseksyen (1);

- (b) memasukkan, selepas subseksyen (1), subseksyen baru (1A) dan (1B) yang berikut:

“(1A) Any person who—

- (a) attempts to commit any offence under this Act;
- (b) does any act preparatory to or in furtherance of the commission of any offence under this Act; or
- (c) abets or is engaged in a criminal conspiracy to commit (as those terms are defined in the Penal Code) any offence under this Act whether or not the offence is committed in consequence thereof,

shall be guilty of such offence and be liable to the punishment provided for such offence.

(1B) Any reference in this Act to an offence under any specific provision of this Act, includes an offence by virtue of subsection (1A) in relation to that specific provision, except that, no citizen, shall, in any case, be liable to removal from Malaysia in consequence of an offence under subsection (1A).”; dan

- (c) memasukkan perkataan-perkataan “who is not a citizen” selepas perkataan “person” dalam subseksyen (2).

Pindaan
seksyen 57.

24. Seksyen 57 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “two thousand dollars or to imprisonment for a term not exceeding six months” dengan perkataan-perkataan “ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years”.

25. (1) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas seksyen 58, seksyen baru 59, 59A dan 59B yang berikut: Seksyen baru 59, 59A dan 59B.

“Exclusion of right to be heard.” 59. No person and no member of a class of persons shall be given an opportunity of being heard before the Minister or the Director General makes any order against him in respect of any matter under this Act or any subsidiary legislation made under this Act.

Order of the Minister or the Director General shall be final. 59A. An order of the Minister or the Director General under this Act or any subsidiary legislation made under this Act shall (without prejudice to any provisions giving a right to appeal to the Minister in respect of an order of the Director General) be final and shall not be called in question in any court on any ground whatsoever.

Definitions of “Director General” and “order” in sections 59 and 59A. 59B. In sections 59 and 59A—

- (a) “Director General” includes any immigration officer exercising and discharging the powers and duties vested in the Director General; and
- (b) “order” includes any decision, any direction, and any act of cancellation of any Pass, Permit, or Certificate.”.

26. Seksyen 64 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan angka “9” dan perkataan “Minister” dalam subseksyen 4 (a) masing-masing dengan angka “9A” dan perkataan-perkataan “Director General”. Pindaan seksyen 64.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Imigresen 1959-1963.

2. *Fasal 2 (a)* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan dalam subseksyen (1) seksyen 2 Akta, takrif bagi perkataan

“vehicle”. *Fasal 2 (b)* Rang Undang-Undang bertujuan memperuntukkan di bawah subseksyen baru (3) seksyen 2 bahawa suatu sebutan dalam Akta ini mengenai seseorang yang dengan menyalahi undang-undang memasuki atau memasuki semula Malaysia atau dengan menyalahi undang-undang tinggal di Malaysia termasuklah apa-apa perbuatan memasuki atau memasuki semula atau tinggal di Malaysia yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari di bawahnya.

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan subseksyen baru (4) dalam seksyen 6 Akta yang meletakkan ke atas orang yang memasuki Malaysia, beban membuktikan bahawa dia berbuat demikian dengan sah dan tidak melanggar kehendak-kehendak subseksyen (1) seksyen 6, dan membuat peruntukan-peruntukan berbangkit mengenai perkara-perkara yang tidak perlu dinyatakan dalam suatu pertuduhan bagi kemasukan dengan menyalahi undang-undang ke dalam Malaysia, dan membolehkan pendakwaan ke atas pertuduhan sedemikian diadakan di mana-mana tempat di Malaysia.

4. *Fasal 5 (1)* Rang Undang-Undang bertujuan menggantikan seksyen 9 Akta dengan seksyen 9 baru, dalam mana subseksyen (1) memberi kepada Ketua Pengarah—

- (a) kuasa untuk membuat suatu perintah yang melarang kemasukan atau kemasukan semula ke dalam Malaysia, mana-mana orang atau golongan orang yang disifatkannya suaimanfaat untuk berbuat demikian bagi kepentingan keselamatan awam atau oleh sebab apa-apa keadaan ekonomi, perindustrian, sosial, pendidikan atau keadaan lain di Malaysia: dengan syarat bahawa perintah sedemikian tidaklah terpakai bagi warganegara atau pemegang mana-mana Pas atau Permit sah;
- (b) kuasa untuk mengkanselkan menurut budi bicara mutlaknyanya apa-apa Pas pada bila-bila masa secara bertulis di bawah tandatangannya; dan
- (c) kuasa untuk mengkanselkan apa-apa Permit pada bila-bila masa secara bertulis di bawah tandatangannya setelah berpuas hati bahawa kehadiran pemegang Permit itu di Malaysia, atau kemasukannya ke dalam Malaysia, adalah, atau mungkin, memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan awam, kesihatan awam atau kemoralan dalam Malaysia atau mana-mana bahagiannya.

Peruntukan-peruntukan lain dalam seksyen 9 baru mengandungi berbagai perkara lain yang berdampingan dan bersampingan yang ada diuraikan di bawah ini.

Perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) akan mula berkuatkuasa pada tarikh ia dibuat, tetapi hendaklah kemudiannya disiarkan dalam *Warta* (subseksyen (2)).

Pengkanselan suatu Pas atau Permit akan mula berkuatkuasa pada tarikh pengkanselannya, tetapi Ketua Pengarah adalah dikehendaki dengan seberapa segera yang boleh selepas itu, menyebabkan suatu notis pengkanselan dihantar kepada pemegang Pas atau Permit itu jika alamatnya diketahui, dan jika alamatnya tidak diketahui, menyebabkannya disiarkan mengikut cara yang disifatkannya patut (subseksyen (3)).

Jika pemegang suatu Pas atau Permit yang dikanselkan berada di Malaysia, dia dilarang daripada tinggal di Malaysia selepas pengkanselan itu, dan adalah dikehendaki diusir dari Malaysia dan selepas itu dia dilarang memasuki Malaysia. Jika pemegang itu berada di luar Malaysia, pengkanselan Pas atau Permitnya akan melarangnya daripada memasuki atau memasuki semula Malaysia (subseksyen (4)).

Adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang memasuki atau memasuki semula ke Malaysia, atau tinggal di Malaysia, dengan melanggar suatu perintah yang melarang kemasukan ke dalam Malaysia atau dengan melanggar larangan-larangan yang dikenakan ke atas pemegang suatu Pas atau Permit yang dikanselkan di bawah seksyen ini (subseksyen (5)).

Peruntukan-peruntukan Akta akan juga terpakai bagi seseorang yang namanya diendorskan pada suatu Pas atau Permit yang dikanselkan, bagi seorang isteri pemegang Pas atau Permit itu jika isterinya adalah seorang pemegang suatu Pas atau Permit yang dikeluarkan disebabkan oleh pengeluaran suatu Pas atau Permit kepada suaminya, dan bagi seorang anak tanggungan pemegang Pas atau Permit itu jika anak itu bukan seorang warganegara, mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai bagi pemegang Pas atau Permit itu (subseksyen (6)). Pemberitahuan kepada seorang pemegang di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi pemberitahuan kepada orang-orang ini.

Kuasa-kuasa Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan hanya oleh Ketua Pengarah sendiri atau, semasa ketiadaannya atau semasa tak berdaya bertindak, hanya oleh Timbalan Ketua Pengarah sendiri (subseksyen (7)).

Mana-mana orang yang tak puas hati dengan mana-mana perintah yang dibuat terhadapnya, atau pemegang mana-mana Pas atau Permit yang tak puas hati dengan pengkanselan Pasnya atau Permitnya, boleh merayu secara bertulis kepada Menteri. Walau apa pun apa-apa rayuan sedemikian, sementara menanti keputusan rayuan itu, perintah Ketua Pengarah itu atau pengkanselan mana-mana Pas atau Permit itu hendaklah berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya (subseksyen (8)).

Fasal 5 (2) Rang Undang-Undang bertujuan menjelaskan bahawa peruntukan-peruntukan seksyen 9 sebagaimana yang digantikan oleh *fasal 5 (1)* hendaklah terpakai bagi suatu Pas atau Permit yang dikeluarkan sebelum mula berkuatkuasanya Akta yang diperkenalkan melalui Rang Undang-Undang ini mengikut cara yang sama sebagaimana ia terpakai bagi suatu Permit atau Pas yang dikeluarkan selepas itu.

Fasal 5 (3) Rang Undang-Undang adalah suatu peruntukan peralihan yang bertujuan membuat peruntukan supaya kuasa-kuasa dan kesan sepenuhnya terus diberikan kepada apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen 9 Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya Akta yang diperkenalkan melalui Rang Undang-Undang ini sehinggalah perintah itu dibatalkan.

5. *Fasal 6* Rang Undang-Undang bertujuan membuat peruntukan mengenai kemasukan seksyen baru 9A dalam Akta, dalam mana subseksyen (1) memberi kepada Ketua Pengarah, kuasa membuat suatu perintah yang menghadkan bilangan orang daripada mana-mana golongan yang boleh memasuki Malaysia dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu atau membataskan tempoh yang mana-mana orang atau golongan orang yang memasuki atau memasuki semula Malaysia boleh tinggal di dalamnya, jika disifatkan oleh Ketua Pengarah sebagai suaimanfaat berbuat demikian bagi keselamatan awam, atau oleh sebab apa-apa keadaan ekonomi, perindustrian, sosial, pendidikan atau keadaan lain di Malaysia.

Perintah yang dibuat di bawah seksyen ini tidaklah terpakai bagi mana-mana warganegara atau bagi pemegang mana-mana Pas atau Permit sah.

Kuasa-kuasa Ketua Pengarah di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan hanya oleh Ketua Pengarah sendiri atau, semasa ketiadaannya atau semasa tak berdaya bertindak, hanya oleh Timbalan Ketua Pengarah sendiri (subseksyen (2)).

6. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu sebagaimana yang diperihalkan di bawah ini kepada seksyen 8 Akta disebabkan oleh seksyen 9 baru yang dicadangkan itu.

Fasal 4 (a) Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 8 (2) (a) Akta untuk melarang mana-mana orang daripada tinggal di Malaysia yang selepas kemasukannya ke dalam Malaysia menjadi seorang pendatang larangan oleh sebab suatu perintah, atau pengkanselan suatu Permit atau Pas, di bawah seksyen 9 baru yang dicadangkan itu.

Fasal 4 (b) Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 8 (3) (c) yang adalah berbangkit daripada penggantian seksyen 29 dan kemasukan seksyen baru 39 (A).

Fasal 4 (c) Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 8 (3) (o) Akta untuk menjadikan seseorang, atau segolongan orang, yang suatu perintah larangan masuk telah dibuat terhadapnya di bawah seksyen 9 (1) (a) baru, atau seseorang yang Pas atau Permitnya telah dikanselkan masing-masing di bawah seksyen 9 (1) (b) atau 9 (1) (c) baru, atau yang kepadanya pengkanselan itu terpakai di bawah seksyen 9 (6) baru, seorang pendatang larangan. Pindaan seksyen 8 (6) yang hendak dibuat melalui *fasal 4 (d)* Rang Undang-Undang menggalang suatu rayuan kepada Menteri oleh pendatang larangan itu jika dia tiba di Malaysia dan kebenaran untuk masuk ditolak atas alasan bahawa dia adalah seorang pendatang larangan.

7. *Fasal 7 (a)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 11 (1) (a) Akta untuk menghalang seseorang yang namanya diendorskan pada suatu Pas sah daripada memohon bagi mendapatkan suatu Permit Kemasukan Semula.

8. *Fasal 8* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 15 Akta dengan menggantikan subseksyen baru (1) untuk menyatakan dengan jelas hal keadaan di mana seseorang itu dilarang daripada tinggal di Malaysia, melainkan jika dia adalah selainnya dibenarkan tinggal di Malaysia di bawah Akta.

9. *Fasal 9 (a)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 20 Akta supaya menjadikan penalti am di bawah seksyen 57 terpakai bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen itu. Pindaan yang hendak dibuat oleh *fasal 9 (b)* adalah berbangkit.

10. *Fasal 10* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 24 dengan memasukkan tiga subseksyen baru (5), (6) dan (7). Subseksyen (5) yang dicadangkan itu bertujuan memperuntukkan bahawa jika vesel atau pesawat udara yang dengannya seseorang tiba di Malaysia telah pun meninggalkan Malaysia sebelum seorang pegawai imigresen membuat dapatannya di bawah subseksyen (1) bahawa orang itu adalah dilarang daripada memasuki Malaysia, pegawai imigresen itu boleh menghendaki nakhoda mana-mana vesel atau kapten mana-mana pesawat udara, mengikut mana yang berkenaan, yang dipunyai oleh pemunya yang sama atau dicatat oleh pencatat yang sama dengan vesel atau pesawat udara dengan mana orang yang akan diusir dari Malaysia tiba, menerima orang itu ke dalam vesel atau pesawat udaranya dan memberi kepada orang itu tambang percuma ke pelabuhan atau tempat di mana orang itu telah naik dan tempat tinggal dan penyaraan yang patut semasa pelayaran atau penerbangan itu.

Subseksyen (6) yang dicadangkan itu menjadikannya suatu kesalahan terhadap Akta bagi nakhoda vesel atau kapten pesawat udara yang tidak mematuhi kehendak pegawai imigresen.

Subseksyen (7) yang dicadangkan itu membuat peruntukan bagi penguatkuasaan kehendak-kehendak tersebut oleh pegawai imigresen terhadap orang yang berkenaan dengannya ia dibuat.

11. *Fasal 11* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 26 Akta untuk menjadikan suatu kesalahan di bawah seksyen itu boleh dihukum dengan penalti am di bawah seksyen 57.

12. *Fasal 14* Rang Undang-Undang bertujuan membuat pindaan-pindaan kepada seksyen 33 Akta yang adalah berbangkit daripada penggantian seksyen 9 Akta dengan seksyen 9 baru yang dibuat melalui *fasal 5*.

13. *Fasal 16* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 36 Akta dengan menggantikannya untuk menjadikan kesalahan di bawahnya itu boleh dihukum dengan penalti am di bawah seksyen 57, dan juga memasukkan pindaan-pindaan yang berbangkit daripada penggantian seksyen 9 Akta tersebut yang dibuat melalui *fasal 5*.

14. *Fasal 17* Rang Undang-Undang bertujuan membuat peruntukan mengenai kemasukan seksyen baru 39A dalam Akta untuk memberi kuasa-kuasa perlu pada seorang pegawai imigresen untuk membolehkannya menjalankan dengan berkesan fungsi-fungsinya di bawah Akta dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta.

15. *Fasal 18 (a)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 40 Akta dengan menggantikan seksyen 40 (1) untuk menyatakan dengan jelas hal-hal keadaan di mana Ketua Pengarah boleh memanggil dan memeriksa saksi-saksi dan menghendaki dokumen-dokumen dikemukakan. *Fasal 18 (b)* Rang Undang-Undang bertujuan memasukkan subseksyen baru (3) dalam seksyen 40 untuk menjadikan apa-apa pernyataan yang dibuat atau dokumen yang dikemukakan di bawah seksyen 40 (1) boleh diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding dalam mahkamah di bawah Akta ini terhadap saksi atau terhadap mana-mana orang lain.

16. *Fasal 19* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 43 Akta untuk menambah penalti kerana suatu kesalahan di bawah seksyen itu.

17. *Fasal 20* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 50 Akta untuk meluaskan skop kuasa soalsiasat pegawai imigresen di bawah seksyen ini untuk menunjukkan detail tentang jalan atau

cara perjalanan yang digunakan oleh seseorang yang dipercayai boleh kena diusir dari Malaysia.

18. *Fasal 21 (b)* bertujuan meminda seksyen 51 Akta dengan memasukkan subseksyen baru (5) dan (6). Subseksyen 5 (a) yang dicadangkan itu memperuntukkan bahawa jika seseorang yang adalah seorang warganegara telah ditangkap atau ditahan di bawah Akta ini selain daripada kerana suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan telah tidak dilepaskan terlebih dahulu, dia hendaklah dalam masa dua puluh empat jam (tidak termasuk masa apa-apa perjalanan yang perlu) dibawa ke hadapan Majistret dan tidaklah boleh ditahan selanjutnya dalam jagaan tanpa kebenaran Majistret. Subseksyen (5) (b) yang dicadangkan itu memperuntukkan bahawa jika mana-mana orang yang lain daripada seorang warganegara ditangkap atau ditahan di bawah Akta ini dan telah tidak dilepaskan terlebih dahulu atau dipertuduh di Mahkamah, atau diusir dari Malaysia, dia hendaklah dalam masa empat belas hari dari hari penangkapan atau penahanannya, dibawa ke hadapan Majistret yang hendaklah membuat suatu perintah bagi penahanannya selama tempoh yang dikehendaki bagi maksud penyiasaan-penyiasatan mengenai suatu kesalahan terhadap Akta ini, atau bagi maksud membuat siasatan-siasatan, atau menyempurnakan pengusirannya dari Malaysia, di bawah Akta ini. Subseksyen (6) memperuntukkan bahawa perenggan (b) subseksyen (5) hendaklah berkuatkuasa walau apa pun apa-apa jua yang tak konsisten atau berlawanan dengannya yang terkandung dalam Kanun Prosedur Jenayah. *Fasal 12 dan fasal 15* masing-masing bertujuan meminda seksyen 27 dan 34 yang berbangkit daripada pindaan seksyen 51.

19. *Fasal 22* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 54 Akta untuk memberi kuasa kepada Menteri menetapkan melalui peraturan-peraturan, kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun, orang-orang yang boleh mengkompaunnya, had jumlah wang yang akan dipungut bagi mengkompaun kesalahan-kesalahan itu yang hendaklah tidak melebihi tiga puluh peratus daripada denda maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan itu, prosedur yang hendak dipatuhi, borang-borang yang akan digunakan dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang perlu, wajar atau suaimanfaat berhubungan dengan pengkompaunan itu.

20. *Fasal 23 (b)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 56 Akta dengan memasukkan subseksyen baru (1A) yang menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang cuba melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan atau bagi

membantu perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, atau bersubahat atau melibatkan diri dalam komplot jenayah untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, dan menjadikannya boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu. Ia juga bertujuan memperuntukkan di bawah subseksyen baru (1B) bahawa sebutan mengenai suatu kesalahan di bawah mana-mana peruntukan khusus dalam Akta ini termasuklah suatu kesalahan menurut kuasa subseksyen (1A) berhubungan dengan peruntukan khusus itu, kecuali bahawa, tiada warganegara dalam mana-mana hal, boleh kena diusir dari Malaysia disebabkan oleh suatu kesalahan di bawah subseksyen (1A), *Fasal 23 (c)* Rang Undang-Undang bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 56 supaya menghadkan pemakaian subseksyen itu bagi orang-orang yang bukan warganegara.

21. *Fasal 24* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 57 Akta untuk menambah penalti am kerana kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta.

22. *Fasal 25* Rang Undang-Undang bertujuan membuat peruntukan mengenai kemasukan seksyen baru 59, 59A dan 59B dalam Akta.

Seksyen baru 59 bertujuan mengecualikan seseorang daripada diberi peluang didengar sebelum Menteri atau Ketua Pengarah membuat suatu perintah terhadapnya berkenaan dengan apa-apa perkara di bawah Akta atau mana-mana perundangan subsidiari di bawahnya.

Seksyen baru 59A bertujuan memperuntukkan bahawa suatu perintah Menteri atau Ketua Pengarah di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini adalah (tanpa menjejaskan apa-apa peruntukan yang memberi hak untuk merayu kepada Menteri berkenaan dengan perintah Ketua Pengarah) muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana Mahkamah atas apa-apa jua alasan.

Seksyen baru 59B bertujuan mentakrifkan istilah-istilah "Director General" ("Ketua Pengarah") dan "order" ("perintah") yang digunakan dalam seksyen baru 59 dan 59A yang dicadangkan itu, dan memberi kepada setiap satu istilah itu suatu pengertian yang diperluaskan supaya "Ketua Pengarah" termasuklah mana-mana pegawai imigresen yang menjalankan dan menunaikan kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang terletak pada Ketua Pengarah, dan "perintah" termasuklah apa-apa keputusan atau arahan, dan juga apa-apa tindakan pengkanselan mana-mana Pas, Permit atau Perakuan.

23. *Fasal 26* Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 64 (4) (a) yang berbangkit daripada pindaan seksyen 9 dan kemasukan seksyen baru 9A.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1414.]

